

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan kedudukan dua tempat.

Kilang baju terletak di sebelah kiri rumah Cindy.

Rumah Cindy digunakan sebagai _____ untuk menentukan kedudukan kilang baju.

- A titik tengah
- B titik rujukan
- C titik persilangan
- D garis mendatar

2. Antara berikut, yang manakah benar tentang kedudukan relatif?

- I Berdasarkan titik rujukan
- II Menggunakan lajur dan baris
- III Dinyatakan dalam bentuk koordinat
- IV Ditentukan dengan menggunakan perkataan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan 3 dan 4 berdasarkan Peta 1 di bawah.



Peta 1

3. Objek yang terletak di hadapan masjid ialah

- A sekolah.
- B kedai runcit.
- C rumah Sally.
- D rumah Jasmin.


4. Antara berikut, yang manakah benar tentang kedudukan sekolah?

- A Terletak di belakang masjid
- B Terletak di sebelah kiri pasar
- C Terletak di hadapan rumah Sally
- D Terletak di sebelah kanan pejabat pos

5. Apakah latitud yang dilukis di tengah-tengah glob dan diberi nilai (°)?

- A Garisan Jadi
- B Garisan Artik
- C Garisan Sarton
- D Garisan Khatulistiwa

6. Berdasarkan Rajah 1, garisan yang manakah ialah Garisan Sarton?



Rajah 1

7. Antara berikut, yang manakah benar mengenai latitud?

- I Garisan yang dilukis secara mendatar

- II Garisan yang dilukis dari timur ke barat
 III Garisan yang terpendek ialah Garisan Meridian Pangkal
 IV Garisan yang terpanjang ialah Garisan Khatulistiwa

A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

8. Antara berikut, pasangan yang manakah betul?

	Latitud Utama	Sudut
A	Garisan Antartik	0°
B	Garisan Khatulistiwa	23½°U
C	Garisan Artik	66½°S
D	Garisan Jadi	23½°S

9. Garisan yang manakah berkaitan dengan maklumat yang berikut?

- Bernilai 180°T/B
- Berbentuk bengkok-bengkok

A Garisan Khatulistiwa
 B Garisan Meridian Pangkal
 C Garisan Meridian Greenwich
 D Garisan Tarikh Antarabangsa

10. Gabungan Garisan Meridian Pangkal dan Garisan Tarikh Antarabangsa boleh membentuk sebuah

A peta.
 B awan.
 C bulatan.
 D semi bulatan.


11. Apakah kegunaan persilangan latitud dan longitud di atas glob dan atlas?

A Menentukan arah di antara dua tempat
 B Menentukan jarak di antara dua tempat
 C Menentukan kedudukan sesuatu tempat
 D Menentukan waktu tempatan sesuatu tempat

12. Berapakah nilai darjah bagi Garisan Meridian Greenwich?

A 0° C 66½°S
 B 23½°U D 180°T/B

- Soalan 13 dan 14 berdasarkan Rajah 2 di bawah.




13. Apakah kedudukan titik X?

A 0° 45°T C 45°T 0°
 B 35°U 45°T D 75°T 35°U

14. Apakah kedudukan titik Y?

A 0° 10°T C 15°B 10°T
 B 10°T 45°S D 45°S 10°T

15. Peta 2 menunjukkan kedudukan bandar utama di Asia Tenggara.



Peta 2


Bandar yang manakah terletak di 10°U 107°T?

A Bangkok C Kuala Lumpur
 B Singapura D Ho Chi Minh

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan Rajah 3 yang menunjukkan kedudukan murid di dalam kelas Tingkatan 1 Kuning.



Rajah 3

1. (a) Nyatakan **dua** orang murid yang duduk di belakang Zhi Xin.

- (i) _____
- (ii) _____


(b) Kedudukan Wani dijadikan sebagai titik rujukan, nyatakan kedudukan murid-murid di bawah. **SP 1.2.1**

- (i) Kaviha : _____
- (ii) Branda : _____
- (iii) Faudzy : _____
- (iv) Ai Man : _____

(c) Kedudukan Chi Lim dijadikan sebagai titik rujukan, nyatakan kedudukan murid-murid di bawah. **SP 1.2.1**

- (i) Kee Sing : _____
- (ii) Devi : _____
- (iii) Francis : _____
- (iv) Amalia : _____

Soalan 2 berdasarkan Rajah 4.



Rajah 4

2. (a) Namakan latitud-latitud utama dalam Rajah 4.

P : _____

Q : _____

R : _____

S : _____

T : _____

(b) Nyatakan bahagian-bahagian bumi dalam Rajah 4.

X : _____


Y : _____

(c) Terangkan ciri-ciri latitud R dalam Rajah 4.

Sudut Nota

- Oleh kerana bentuk glob adalah sfera, jadi garisan-garisan yang dilukis pada permukaan glob adalah melengkung. Manakala pada atlas, garisan-garisan dilukis secara menegak dan melintang dengan lurus.

Soalan 3 berdasarkan Peta 3.



Peta 3: SEMENANJUNG MALAYSIA

3. (a) Nyatakan latitud bagi tempat-tempat dalam Peta 3.

P : _____
 U : _____
 X : _____

(b) Nyatakan kedudukan bagi tempat-tempat dalam Peta 3. **SP 1.2.2**

Q : _____
 S : _____
 T : _____
 V : _____
 Y : _____

(c) Mengapakah semasa menentukan kedudukan sesuatu tempat, latitud perlu dinyatakan terlebih dahulu sebelum menyatakan longitud? **KBAT** Menilai
